 - (iii) Dengan kos dan perbelanjaan pembekal sendiri, memindah dan mengeluarkan semua peralatan dan kelengkapan pembekal, subkontraktor, atau ejen-ejennya dan meremedi semua kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan tersebut.

9.5 Perkhidmatan dalam perjanjian hendaklah tamat dengan serta merta jika pembekal meninggal dunia dan pembekal adalah pemilik tunggal dan perniagaan ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] atau Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948 atau Ordinan Pelesenan Perniagaan, Profesion dan Perdagangan Sarawak [Bab 33]. Pembayaran perkhidmatan, jika ada, akan dibayar kepada waris pembekal yang sah.

10. MENARIK BALIK TAWARAN ATAU MENOLAK TAWARAN

- 10.1 Pembekal tidak boleh menarik balik tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang alasan yang munasabah.
- 10.2 Pembekal tidak boleh menolak tawaran IKMa sekiranya pembekal berjaya mendapat tawaran tersebut. Jika pembekal berbuat demikian tanpa alasan munasabah, nama pembekal akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan.
- 10.3 IKMa mempunyai kuasa mutlak untuk meluluskan permohonan penarikan atau penolakan tawaran daripada pembekal tertakluk kepada alasan yang diberikan.

11. PEMBAYARAN

11.1 Pembekal adalah diberi peringatan untuk mengemukakan tuntutan yang lengkap dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perkhidmatan dibekalkan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. IKMa tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal jika tuntutan tidak dihantar ataupun tidak lengkap dengan segera dalam tempoh tersebut.

11.2 Pembayaran akan dibuat bagi setiap pesanan oleh IKMa yang disempurnakan pembekalannya dan berdasarkan penerimaan sebenar oleh pihak IKMa.

12. TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Tempoh sah laku sebut harga adalah selama 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga/ kontrak ditutup. Tempoh ini boleh dilanjutkan oleh IKMa apabila perlu.

13. PINDAAN

IKMa berhak untuk membuat pindaan ke atas tempoh kuatkuasa kontrak dan pemakluman secara bertulis kepada pembekal.

14. LAIN-LAIN

- I. Semua arahan, maklumat dan lampiran di dalam dokumen sebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani oleh pembekal yang berjaya.
- II. IKMa berhak menggunakan kemudahan yang disediakan kepada pembekal pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

(6)

SKOP DAN SPESIFIKASI KERJA

SKOP DAN SPESIFIKASI KERJA

PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM UNTUK TEMPOH 1+1 TAHUN DI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa), 103, JALAN TEMPLER, PETALING JAYA, SELANGOR

1. SKOP DAN STANDARD PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASAK MAKANAN ISLAM

- 1.1. Perkhidmatan membekal makanan bermasak Islam di bawah kontrak ini meliputi penyediaan dan pembekalan makanan bermasak Islam, hidangan dan layanan serta pembersihan.
- 1.2. Penyediaan dan pembekalan makanan bermasak Islam hendaklah berdasarkan bilangan tempahan setiap hari di IKMa Kampus Utama Petaling Jaya dan menu yang telah ditetapkan. Mutu masakan hendaklah tinggi setaraf dengan yang terdapat di hotel-hotel utama.
- 1.3. Standard sajian dan layanan hendaklah setaraf dengan standard yang terdapat di hotel-hotel utama.
- 1.4. Standard kebersihan termasuk pekerja, dewan makan, dapur, peralatan dan lain-lain berhubung dengan pembekalan makanan bermasak hendaklah setaraf dengan standard yang terdapat di hotel-hotel utama.
- 1.5. Pembekal hendaklah membekalkan tenaga kerja, peralatan dan semua bahan-bahan yang diperlukan dalam penyediaan dan pembekalan makanan bermasak Islam, hidangan dan layanan serta pembersihan.
- 1.6. Semua undang-undang, garis panduan dan peraturan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Menyediakan dan Membekalkan Makanan Bermasak Islam hendaklah dipatuhi.

2. PENYIMPANAN BAHAN-BAHAN MAKANAN

2.1. Garis Panduan Penyimpanan Bahan-Bahan Makanan hendaklah dipatuhi seperti jadual di bawah :

Bil	Perkara
a.	Bekalan bahan mentah yang hendak dimasak hendaklah sampai di dapur IKMa selewat-lewatnya sehari sebelum penyediaan sajian seperti yang telah ditetapkan oleh pihak IKMa (tertakluk kepada perubahan).
b.	Pembekal yang berjaya bertanggungjawab memastikan bahan mentah yang digunakan mempunyai sijil Halal JAKIM atau yang diiktiraf oleh JAKIM sebelum kontrak berkuatkuasa. Kenderaan yang digunakan untuk mengangkut bahan mentah yang berisiko tinggi seperti ayam, daging dan hasil laut perlu mempunyai kawalan suhu. Sekiranya menggunakan kenderaan biasa, perlu menggunakan cool box/ bekas penambat yang bersih dengan meletakkan ais bagi mengekalkan suhu pada 0°C hingga 4°C.
c.	Memastikan bekalan ayam dan daging diperolehi daripada sumber halal dan amalan <i>Good Manufacturing Practice (GMP)</i> .
d.	Pembekal hendaklah memastikan stok bahan-bahan makanan seperti beras, gula, kopi, teh, susu, minuman coklat, minyak masak dan bahan-bahan makanan kering yang tahan lama hendaklah mencukupi untuk menampung bekalan semasa kecemasan atau keperluan secara <i>ad hoc</i> .
e.	Memastikan stok makanan utama dan yang tahan disimpan lama hendaklah dalam kuantiti yang mencukupi untuk menampung keperluan kecemasan minimum selama tiga (3) hari perkhidmatan.
f.	Memastikan item-item bahan kering / bahan mentah kering hendaklah mengikut jenama, spesifikasi dan kualiti yang ditawarkan. Bahan-bahan ini hendaklah dimasukkan ke dalam bekas tertutup, disusun dan disimpan dalam stor dan berlabel.
g.	Pembekal hendaklah merancang penggunaan bahan mentah yang akan digunakan bagi memastikan bahan yang telah dinyahbeku tidak dibekukan semula. Kos berkenaan ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
h.	Memastikan bahan makanan disimpan secara berasingan daripada racun dan bahan kimia. Racun dan bahan kimia hendaklah disimpan berasingan dalam tempat berkunci yang disediakan oleh pembekal

i.	Memastikan semua bahan makanan tidak disimpan atau diletakkan diatas lantai atau tanpa menggunakan pengalas atau bekas yang sesuai.
j.	Menyimpan makanan dalam stor, jika disediakan oleh IKMa, dan stor hendaklah sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih serta berlabel mengikut susunan barang bahan mentah kering.
k.	Memastikan makanan disimpan dalam bekas tertutup dan diletakkan di tempat yang sesuai, bersih dan selamat sebelum dihidangkan. Penggunaan bahan bercetak seperti surat khabar untuk menutup makanan adalah tidak dibenarkan. Makanan mentah dan makanan yang telah dimasak hendaklah dipastikan tidak disimpan / diletakkan di tempat yang sama.
l.	Bahan mentah kering hendaklah disimpan dalam bekas yang bersih dan tertutup. Bahan-bahan basah pula hendaklah disimpan dalam peti sejuk dengan kemas dan teratur untuk menjaga kesegarannya.
m.	Mematuhi Akta Makanan 1983 [Akta 281], Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], undang-undang yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan dan undang-undang berkenaan dengan pensijilan Halal JAKIM atau yang diiktiraf oleh JAKIM. Premis dewan makan akan diperiksa dari semasa ke semasa oleh pegawai Kerajaan atau pegawai yang diberi kuasa.

3. SPESIFIKASI MAKANAN BERMASAK ISLAM DAN MINUMAN

- 3.1. Makanan bermasak yang disediakan mestilah berbau segar (tidak basi), sentiasa panas dan tidak ada tanda pencemaran.
- 3.2. Makanan bermasak seperti sayur mestilah kelihatan masih hijau dan segar serta tidak hilang warnanya.
- 3.3. Masakan seperti sayur dan gulai hendaklah secukup rasa (cukup rempah ratusnya, asam, garam, santan dan sebagainya).
- 3.4. Makanan bermasak seperti ikan, daging dan ayam tidak hancur dan hendaklah berada di dalam keadaan yang bermutu.
- 3.5. Hidangan seperti kerabu, salad dan ulam-ulaman hendaklah rangup apabila dimakan dan tidak layu.
- 3.6. Perasa seperti *vetsin* atau *monosodium glutamate* **tidak dibenarkan** dimasukkan dalam masakan.

- 3.7. Makanan yang berkuah hendaklah tidak mengandungi minyak yang berlebihan.
- 3.8. Buah-buahan hendaklah cukup matang, segar dan kelihatan cantik/ menyelerakan.
- 3.9. Kuih-muih hendaklah segar dan kelihatan cantik/ menyelerakan.
- 3.10. Semua makanan bermasak hendaklah dihidangkan di dalam bekas yang sesuai serta menarik dengan menggunakan alat pemanas.
- 3.11. Pastikan minuman panas dihidang dengan cawan bukan menggunakan gelas.
- 3.12. Pastikan minuman sejuk dihidang dengan gelas bukan menggunakan cawan.
- 3.13. Minuman sejuk hendaklah menggunakan kiub ais dan bukan blok ais.

4. SPESIFIKASI BAHAN - BAHAN MAKANAN

- 4.1. Spesifikasi Bahan – Bahan Makanan Perkhidmatan Menyediakan dan Membekalkan Makanan Bermasak Islam di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Kampus Utama Jalan Templer Petaling Jaya, Selangor seperti di **Lampiran 1.**

5. CATUAN MAKANAN (*PORTIONING*)

- 5.1. Semua catuan makanan hendaklah mengikut *Recommended Dietary Allowance* (RDA) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6. MENU MAKANAN BERMASAK ISLAM

- 6.1. Pembekal dikehendaki membekalkan makanan bermasak mengikut **Cadangan Menu** yang ditetapkan di **Lampiran 2 (Jadual I-V)**. Sebarang perubahan menu hendaklah mendapat persetujuan dari IKMa terlebih dahulu dan harga menu ini hendaklah sama dengan harga kontrak. **Pihak IKMa berhak untuk membuat perubahan menu mengikut kesesuaian program dari semasa ke semasa dan harga menu ini hendaklah sama dengan harga kontrak.**

- 6.2. Pembekal yang berjaya dikehendaki menyediakan makanan dan minuman mengikut **5 menu mingguan yang berlainan**.
- 6.3. Aturan menu bermula dengan menu di **Jadual I bagi minggu pertama, Jadual II bagi minggu kedua, Jadual III bagi minggu ketiga, Jadual IV bagi minggu keempat dan Jadual V bagi minggu kelima** akan digunakan dan menu seterusnya digunakan untuk minggu selanjutnya setiap bulan sehingga tamat tempoh kontrak.
- 6.4. **Menu ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa dengan persetujuan pembekal dan pihak IKMa.**
- 6.5. Pihak IKMa boleh memilih salah satu menu seperti di dalam **Lampiran 3 (Jadual VI dan VII) bagi Majlis Khas dan Mesyuarat/ Bengkel di dalam Lampiran 4** yang bersesuaian dengan kehendak dan objektif penganjuran.

7. PEMBEKAL BERTANGGUNGJAWAB

- 7.1. Menyediakan ujirasa makanan kepada petugas/ penyelia sajian UFS setiap kali penyediaan sajian bagi **memastikan mutu, kebersihan dan keselamatan makanan**.
- 7.2. Berinteraksi dengan Unit Fasiliti Dan Sajian, IKMa Kampus Utama Petaling Jaya di dalam urusan seharian dan urusan peningkatan kawalan mutu makanan dan perkhidmatan.
- 7.3. Memastikan makanan yang disediakan adalah bersih dan mencukupi tanpa bendasing.

8. SYARAT-SYARAT KHAS

- 8.1. Syarat – syarat khas bagi bagi Perkhidmatan Menyediakan dan Membekalkan Makanan Berмасak Islam di IKMa Kampus Utama Petaling Jaya, Selangor seperti **di Lampiran 5**

9. PERALATAN DAPUR

- 9.1. Senarai Peralatan Dapur yang masih ada di dapur Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan adalah seperti di **Lampiran 6**.

(7)

**LAMPIRAN 1 HINGGA
LAMPIRAN 6**

LAMPIRAN 1: SPESIFIKASI BAHAN - BAHAN MAKANAN

- A. Bahan-bahan makanan yang akan dibekalkan pada setiap sajian **MESTI** berdasarkan **menu yang ditetapkan oleh IKMa**. Makanan hendaklah disediakan dengan menggunakan bahan-bahan bersih, bermutu dan **HALAL** serta tertakluk kepada **AKTA MAKANAN 1983** yang sedang berkuatkuasa.
- B. Makanan hendaklah disiapkan daripada bahan-bahan yang paling bermutu. Sukatan/ kuantiti makanan yang perlu dibekalkan pada setiap sajian **MESTI** dikira sebagai sebelum dimasak (tetapi siap diproses untuk dimasak) kecuali bagi item-item seperti nasi, susu, roti, mentega, jem/ kaya, biskut, kuih dan bubur, sardin, ais krim dan roti canai **DAN** sukatan/ kuantiti makanan yang perlu dibekalkan hendaklah mengikut berat/ sukatan yang ditetapkan oleh IKMa.

1. IKAN

- 1.1 Ikan terbahagi kepada 2 kumpulan seperti berikut:

IKAN KUMPULAN A	IKAN KUMPULAN B
TENGGIRI	SELAR
BAWAL HITAM	KEMBUNG
JENAHAK	KERISI
MERAH	CENCARU
SIKAP	
SEKANGIN	

- 1.2 Ikan yang akan dibekalkan mestilah mengikut MENU. Sekiranya gagal, ikan yang diganti hendaklah dari kumpulan yang sama dengan syarat ikan yang sama tidak boleh dibekalkan secara berturut-turut.
- 1.3 Timbangan ikan-ikan dalam Kumpulan A hendaklah dibekalkan tanpa kepala, ekor, perut dan sisik (berat minima = 80gm/sajian).)
- 1.4 Timbangan ikan-ikan dalam Kumpulan B hendaklah dibekalkan tanpa kepala, ekor, perut dan sisik (berat minima = 80-120gm/sajian).
- 1.5 Ikan yang dibekalkan mestilah dalam keadaan segar, iaitu tidak pecah perut dan tidak berbau busuk. Beratnya mengikut jenis ikan seperti dalam jadual sukatan.

2. **DAGING LEMBU TEMPATAN (SEGAR)**

Daging mestilah bermutu, yang disahkan halal dari gred A (*Topside and Silverside*) tanpa tulang, lemak dan kotoran lain. (berat minima = 80 gm/ sajian)
Sekiranya perlu, IKMa berhak untuk mengadakan lawatan ke Tapak Sembelihan.

3. **AYAM DAGING**

Tidak disimpan di dalam peti sejuk beku tidak lebih dari 72 jam (3 hari) tanpa kesan lebam dan rosak. Bekalan ayam segar hendaklah diperolehi dari syarikat bumiputera Islam dan pekerja syarikat penyembelihan mempunyai kad tauliah sembelihan. (berat minima = 80-120 gm/sajian).

4. **UDANG**

4.1 Udang segar (tidak busuk) jenis yang putih. (berat minima = 80 gm/sajian) mengikut jenis masakan.

4.2 Bagi udang yang digunakan untuk dicampurkan dalam masakan sayur hendaklah dari jenis yang putih (bersih tanpa kepala dan kulit).

5. **SOTONG**

Sotong segar, sederhana besarnya (8-10 cm panjang), yang telah dibersihkan perutnya. (berat minima = 180 gm /sajian).

6. **SAYURAN – SAYURAN**

Sayur-sayuran daun hijau yang baru dari pasar, muda, bersih dan segar. Jenis sayur mengikut menu dan beratnya adalah seperti dalam jadual sukatan (dikira setelah bersih diproses/dipotong tanpa batang yang keras dan daun-daun yang rosak).

7. **TELUR AYAM/ ITIK**

7.1 Telur baru (Gred A / Berat melebihi 60 gram) dan mempunyai cetakan tarikh luput. (2 biji=110 gm/sajian).

7.2 Telur Masin bermutu baik, baru dan tidak berbau (Berat melebihi 60 gram) .

8. **BERAS PREMIUM**

Beras tempatan bermutu baik peringkat pertama (kurang 5% hancur) tanpa antah, kulit, ulat dan kotoran. Setelah dimasak beratnya hendaklah 350 gram dan untuk nasi goreng 200 gram. Penggunaan beras tempatan keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

9. **TEH/ KOPI/ MILO**

Kualiti yang baik, bermutu dan tidak menggunakan pewarna berlebihan. Anggaran 10 gram seorang sebelum dibancuh. Penggunaan produk keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

10. **ROTI, ROTI *BUN* DAN ROTI CANAI**

10.1 Roti baharu yang siap dipotong. Roti baharu satu paun atau roti buku sandwich – lain roti yang sama mutunya, 4 keping seorang.

10.2 Roti *Bun* berinti (kelapa/ikan bilis/kacang merah) bermutu dan seberat 50 gram sebiji.

10.3 Roti Canai/ Lempeng/ Prata yang baharu bersaiz 100 gram sekeping.

10.4 Masih dalam tempoh sahlaku.

10.5 Penggunaan roti keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

11. **MENTEGA DAN MARJERIN**

Mentega dan marjerin beku yang bermutu baik, dan masih dalam tempoh sahlaku. Beratnya 10 gram seorang. Penggunaan mentega dan marjerin keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

12. **JEM/ KAYA**

Bermutu baik, dan masih dalam tempoh sahlaku. 10 gram seorang – buatan tempatan. Penggunaan jem/kaya keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

13. **BISKUT**

Mutu yang baik buatan tempatan dan masih dalam tempoh sah laku.

(3 keping/sajian = 30 gm).

14. **BUBUR**

Bubur hendaklah cukup manis dan cukup lemak. Banyaknya hendaklah seimbang di antara kuah dan isi seperti yang telah ditetapkan. (1 mangkuk kecil=150 gm/sajian).

15. **BIJIRIN**

Bijirin hendaklah bermutu tinggi, berkhasiat dan masih dalam tempoh sah laku.

(Berat=200 ml/sajian).

16. **BUAH-BUAHAN**

Semua buah-buahan mestilah bermutu tinggi dibekalkan mengikut jenis buah. Beratnya seperti yang telah ditetapkan dalam jadual sukatan mengikut jenis buah

Buah- Buahan	Saiz Sajian Individu
1 Biji Epal	130 gm
1 Biji Lai	170 gm
1 Biji Mangga	100 gm
1 Biji Pisang	90 gm
8 Biji Anggur	90 gm
1 Biji Oren	130 gm
1 Potong Betik	200 gm
1 Potong Nanas	130 gm
1 Potong Tembikai	130 gm
6 Hirisan Kecil Belimbing	80 gm

17. **KUIH-MUIH**

Kuih-muih hendaklah bermutu baik dan tidak basi. Saiz kuih hendaklah tidak kurang daripada 50 gram seunit.

18. **MINYAK MASAK/ MINYAK ZAITUN**

Minyak kelapa sawit/ minyak zaitun atau yang setanding. Dibekalkan dalam tin atau botol bermetri. Penggunaan minyak masak/ minyak zaitun keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

19. **IKAN BILIS**

Bermutu baik sederhana besarnya, tanpa perut dan kepala. (tidak hapak dan liat apabila digoreng). Penggunaan ikan bilis keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

20. **KERANG**

Segar, sukatan adalah tanpa kulit (sekiranya ada).

21. **MEE (MEE KUNING, KUETIAW, BIHUN)**

Bermutu baik, baru dan segar. Dibekalkan dalam beg plastik yang bersih dan kemas serta dijamin halal. Penggunaan mee basah, mee kering dan bihun keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

22. **AIS KRIM**

Jenis 'cream', batang dan dalam 'cup' dengan kuantiti tidak kurang 60 gram. Belum tamat tarikh penggunaannya dan tidak cair sewaktu diserahkan. Penggunaan ais krim keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

23. **PAPADOM/ KEROPOK**

Tidak berkulat, tidak berulat, tidak berbau hapak, bersih, cukup kering dan belum tamat tempoh. Penggunaan produk keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

24. **UDANG KERING**

Tidak berkulat, tidak berulat, tidak berbau hapak, bersih dan cukup kering. Penggunaan produk keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

25. **BELACAN**

Bersih, tidak hapak, belum tamat tempoh dan baru serta tidak diragui status pembuatannya. Penggunaan produk keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

26. **REMPAH RATUS**

Tidak hapak atau berulat dan tidak tamat tempoh. Penggunaan produk keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

27. **CILI**

27.1 **Cili kering** yang elok, tidak kuning warnanya dan dibuang tangkai dan biji.

27.2 **Cili serbuk** yang bermutu baik, bersih, baharu dan tidak berbau hapak, atau peraturan yang berkaitan dengan **AKTA MAKANAN** yang dibungkus dalam plastik yang bersih dan tidak tamat tempoh. Mesti mematuhi syarat-syarat atau peraturan yang berkuatkuasa.

27.3 **Cili giling** yang bermutu baik, bersih dibungkus dalam plastik dan dibekal tiap-tiap hari. Kandungan mestilah mematuhi syarat-syarat atau peraturan yang berkaitan dengan **AKTA MAKANAN** yang sedang berkuatkuasa dan tidak tamat tempoh.

27.4 Penggunaan produk keluaran syarikat bumiputera Islam adalah sangat digalakkan.

28. **KORDIAL/ KORDIAL**

Penggunaan bahan yang dibenarkan, disahkan halal, berkualiti tinggi, dipek kemas. 50ml setiap hidangan (disarankan Sunquick atau setaraf atau diekstrak daripada buah-buahan).

29. **MADU**

29.1 Madu yang dibekalkan hendaklah madu asli dan tidak tamat tempoh.

30. **KISMIS**

30.1 Kismis yang dibekalkan hendaklah bermutu baik, bersih dan bersaiz jumbo dan tidak tamat tempoh.

30.2 Kismis hendaklah daripada jenis kismis hitam Gred A atau setaraf.

31. **LAIN-LAIN**

31.1 Kicap, cili sos, tomato sos, sos tiram, cuka dan lain-lain (dari punca yang HALAL)

LAMPIRAN 2: CADANGAN MENU PESERTA KURSUS (JADUAL I-V)

JADUAL I	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
SARAPAN PAGI	Bihun Goreng Singapura Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Nasi Goreng Kampung Roti+Kaya/Jem Telur Dadar <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Mee Goreng Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Set Nasi Lemak Roti+Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Koew Tiaw Goreng Roti+Kaya/Jem Telur Mata <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial
MINUM PAGI	Puteri Ayu Samosa <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bingka Ubi Sandwich Tuna <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Seri Muka Cara Berlauk <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kari pap Kuih Ketayap <u>Minuman Panas</u> Teh +Kopi	Kuih Lapis Sardin Roll <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN TENGAH HARI	Nasi Putih Asam Pedas Ikan Jenahak+Bendi/Terung Kerabu Pucuk Paku+Taugeh+Kerang Ayam Goreng Berempah	Nasi Putih Kari Ayam+Kentang Ikan Senangin Masak Berlada Sayur Campur Goreng Sambal Belacan +Ulam-Ulaman Buah-Buahan	Set Nasi Ayam Nasi Sup Sayur Sos Cili dan Sos kicap Ayam Goreng Salad + Tomato + Timun Salad Telur	Nasi Putih Daging Masak Lemak Cili Api+Nangka Ikan Selar Masak Cencuan Ikan Masin Gelama Sambal Belacan+Timun Buah-Buahan	Nasi Putih Rendang Ayam Sawi Masak Lemak Ikan Kerisi Goreng Sambal Mangga+Ulam-Ulaman Buah-Buahan

	Sambal Belacan+Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
MINUM PETANG	Bahulu Kemboja Karipap Pusing <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Bom Bijan Popia Sambal <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bubur Pulut Hitam Bun/Roti Putih <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Muffin Pulut Panggang <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Cekodok Pedas Kuih Keria <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN MALAM	Nasi Putih Ayam Masak Halia Ikan Selar Goreng Petola Goreng Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Sambal Bayam Goreng Telur Dadar Sambal Belacan + Ulam-ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Sup Ayam+Kentang Sambal Telur Kangkung Goreng Belacan Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Kari Ikan Merah Sayur Campur Goreng Ikan Masin Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Sos Tiram Sayur Campur Goreng Telur Masin Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial

JADUAL II	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
SARAPAN PAGI	Mee Goreng Mamak Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Nasi Goreng Biasa Roti+Kaya/Jem Telur Mata <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Set Nasi Lemak Roti+Kaya/Jem Telur Dadar <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Koew Tiaw Goreng Roti+Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Bihun Goreng Singapore Roti+Kaya/Jem Cocktail Sosej <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial
	MINUM PAGI	Kuih Kariapap Kuih Ketayap <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Tepung Pelita Cucur Badak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Talam Ubi Samosa <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Apam Beras Pau Goreng <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
	MAKAN TENGAH HARI	Nasi Putih Kari Ikan Merah Sambal Tempe+Ubi Kentang+Tauhu+Kacang Tanah Goreng Ayam Goreng Tandoori Sambal Belacan+Ulam-Ulaman	Nasi Jagung Rendang Daging Ayam Masak Merah Pajeri Nanas Air Papadom Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u>	Nasi Putih Kari Daging+Kentang Ikan Kerisi Goreng Berlada Sayur Campur Goreng Sambal Belacan + Ulam-Ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u>	Nasi Putih Asam Pedas Ikan Jenahak+ Terung/Bendi Ayam Goreng Berempah Sayur Kubis Goreng Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan

	Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Air Kordial	Air Kordial	Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
MINUM PETANG	Kuih Lapis Pulut Panggang <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Lompang Cara Berlauk <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bubur Kacang Hijau Bun/Roti Putih <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Seri Muka Kuih Karipap <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Seri Ayu Popia Sambal <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN MALAM	Nasi Putih Ayam Sambal Ikan Kerisi Goreng Kacang Panjang Masak Lemak Kuning Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Lemak Cili Padi + Kentang Ikan Senangin Masak Kicap Sawi Goreng Sambal Belacan + Ulam-ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Tom Yam Ayam+Sayur Ikan Kembung/Bawal Sweet Sour Sayur Kailan Ikan Masin Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Kicap Ikan Masin Bulu Ayam Sawi Masak Lemak Putih Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Sambal Masak Lemak Lodeh Kuning Telur Asin Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial

JADUAL III	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
SARAPAN PAGI	Koew Tiaw Goreng Roti + Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Set Nasi Lemak Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Mee Goreng Roti+Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Nasi Goreng Kampung Roti+Kaya/Jem Telur Mata <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bihun Goreng Putih Roti+Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MINUM PAGI	Karipap Tepung Pelita <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bahulu Kemboja Popia Goreng <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Ketayap Samosa <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Talam Ubi Cara Berlauk <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Sandwich Telur Lepat Labu <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN TENGAH HARI	Nasi Putih Rendang Ayam Ikan Kerisi Goreng Sayur Petola+Suun Tumis Air Sambal Belacan+Ulam-Ulaman	Nasi Tomato Kurma Daging+Kentang Ayam Masak Merah Jelatah Timun+Nanas Papadom Buah-Buahan	Nasi Putih Ikan Senangin Sweet Sour Daging Masak Kicap Sabah Labu Masak Lemak Cili Api Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan	Nasi Putih Ikan Masin Masak Lemak Cili Api +Nanas Ayam Goreng Berempah Kobis Panjang Goreng Sambal Belacan+Ulam-Ulaman	Nasi Putih Udang Masak Lemak Cili Api+Rebung Ayam Tandoori Sayur Campur Goreng Sambal Tomato

	Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
MINUM PETANG	Apam Beras Popia Sambal <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Kaswi Cucur Badak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bubur Jagung + Keledek Bun/Roti Putih <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Koci Sardin Roll <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN MALAM	Nasi Putih Asam Pedas Ikan Jenahak Ayam Goreng Ketumbar Bayam Goreng Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Sup Ikan Merah Ayam Goreng Berempah Kangkung Goreng Belacan Sambal Belacan + Ulam-ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Sambal Sotong Ayam Goreng Ketumbar Kobis Masak Lemak Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Sup Tulang Sayur Campur Goreng Ikan Selar Sambal Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
				Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
				Cekodok Pedas Kuih Lapis <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
				Nasi Putih Ayam Masak Kicap Telur Masin Kubis Goreng Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial

JADUAL IV	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
SARAPAN PAGI	Mee Goreng Mamak Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Nasi Goreng Biasa Roti+Kaya/Jem Telur Mata <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Set Nasi Lemak Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Roti Canai Roti+Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Bihun Goreng Singapore Roti+Kaya/Jem Cocktail Sosej <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial
	Kuih Kariapap Kuih Ketayap <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Kaswi Sandwich Tuna <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Tepung Pelita Cucur Badak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Talam Ubi Samosa <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Apam Beras Pau Goreng <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
	Nasi Putih Kari Ikan Merah Sambal Tempe+Ubi Kentang+Tauhu+Kacang Tanah Goreng Ayam Goreng Tandoori Sambal Belacan+Ulam- Ulam	Nasi Putih Ayam Masak Kurma Ikan Selar Goreng Berlada Taugeh Goreng+Tauhu+Kucai Sambal Belacan Mangga+Ulam- Ulam Buah-Buahan	Nasi Jagung Rendang Daging Ayam Masak Merah Pajeri Nanas Air Papadom Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u>	Nasi Putih Kari Daging+Kentang Ikan Kerisi Goreng Berlada Sayur Campur Goreng Sambal Belacan + Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u>	Nasi Putih Asam Pedas Ikan Jenahak+Terung/Bendi Ayam Goreng Berempah Sayur Kubis Goreng Sambal Belacan+Ulam- Ulam Buah-Buahan
MAKAN TENGAH HARI					

	Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Air Kordial	Air Kordial	Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
MINUM PETANG	Kuih Lapis Pulut Panggang <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Lompang Cara Berlauk <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bubur Kacang Hijau Bun/Roti Putih <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Seri Muka Kuih Kariapap <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Seri Ayu Popia Sambal <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN MALAM	Nasi Putih Ayam Sambal Ikan Kerisi Goreng Kacang Panjang Masak Lemak Kuning Sambal Belacan+Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Lemak Cili Padi + Kentang Ikan Senangin Masak Kicap Sawi Goreng Sambal Belacan+Ulam-Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Tom Yam Ayam+Sayur Ikan Kembung/Bawal Sweet Sour Sayur Kailan Ikan Masin Sambal Belacan+Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Kicap Ikan Masin Bulu Ayam Sawi Masak Lemak Putih Sambal Belacan+Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Sambal Masak Lemak Lodeh Kuning Telur Asin Sambal Belacan+Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial

JADUAL V	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
SARAPAN PAGI	Mee Goreng Mamak Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Nasi Goreng Cina Roti+Kaya/Jem Telur Mata <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Bihun Goreng Roti+Kaya/Jem Telur Scramble <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Roti Canai Roti+Kaya/Jem Telur ½ Masak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial	Set Nasi Lemak Roti+Kaya/Jem Cocktail Sosej <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Kordial
	Kuih Kariapap Kuih Ketayap <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Kaswi Sandwich Tuna <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Tepung Pelita Cucur Badak <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Talam Ubi Samosa <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Apam Beras Pau Goreng <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
	Nasi Putih Kari Ikan Tenggiri+ Bendi Ayam Goreng Tepung Sambal Tempe + Tauhu Sambal Belacan + Ulam- Ulam Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u>	Nasi Jagung Rendang Daging Ayam Masak Rose Pajeri Nanas Air Salad Tauhu Papadom Buah-Buahan	Nasi Putih Asam Pedas Daging Tetel Ayam Goreng Berempah Kobis Goreng Sambal Belacan + Ulam- ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u>	Nasi Putih Ikan Kembong Masak Lemak Cili Api Ayam Goreng Berempah Sayur Campur Goreng Sambal Belacan + Ulam- Ulam Buah-Buahan	Nasi Putih Udang Masak Lemak Cili Api + Cendawan Ayam Goreng Berempah Bayam Goreng Sambal Belacan +Ulam- Ulam Buah-Buahan
MAKAN TENGAH HARI					

	Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	<u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial
MINUM PETANG	Kuih Lapis Pulut Panggang <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Lompang Cara Berlauk <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Bubur Kacang Hijau Bun/Roti Putih <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Seri Muka Kuih Karipap <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi	Kuih Seri Ayu Popia Sambal <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi
MAKAN MALAM	Nasi Putih Ayam Masak Merah Ikan Kerisi Goreng Kacang Panjang Masak Lemak Kuning Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Lemak Cili Padi +Kentang Ikan Tenggiri Masak Kicap Sawi Goreng Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Sup Ayam + Kentang Ikan Kembung/Bawal Sweet Sour Sayur Kailan Ikan Masin Sambal Kicap Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Masak Kicap Ikan Masin Bulu Ayam Sawi Masak Lemak Putih Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial	Nasi Putih Ayam Sambal Masak Lemak Lodeh Kuning Telur Asin Sambal Belacan+Ulam-Ulaman Buah-Buahan <u>Minuman Sejuk</u> Air Kordial

LAMPIRAN 3: CADANGAN MENU PESERTA MTCP (JADUAL VI-VII)

JADUAL VI	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
MINUM PAGI	1 Jenis Kuih Melayu(Savouri) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan Minuman Panas Teh + Kopi Minuman Sejuk Jusl Oren/ Mangga/Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu(Savouri) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan Minuman Panas Teh + Kopi Minuman Sejuk Jus Oren/Mangga/Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu(Savouri) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan Minuman Panas Teh + Kopi Minuman Sejuk Jus Oren/Mangga/Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu(Savouri) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan Minuman Panas Teh + Kopi Minuman Sejuk Jusl Oren/Mangga/Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu(Savouri) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan Minuman Panas Teh + Kopi Minuman Sejuk Jus Oren/Mangga/Jambu Batu
	Menu Utama Nasi Putih Ayam Madu Sotong Goreng Daun Kari Ikan Siakap Kukus Daging Goreng Benggala Telur Dadar Sayur Campur Salad Salad Sayur + 1000 Island Sauce Coleslaw Appetizer Potato Wedges Chicken Nugget Keropok Sayur	Menu Utama Nasi Putih Nasi Jagung Rendang Daging Ayam Masak Rose Ayam Masak Lada Hitam Ikan Bawal Sweet Sour Pajeri Nanas Air Kailan Goreng Salad Salad Buah Coleslaw Appetizer Mashed Potato + Gravy Wantan Goreng Papadom	Menu Utama Nasi Putih Ayam Tandoori Udang Goreng Butter Ikan Siakap 3 Rasa Kambing Masala Telur Mata Masak Kicap Siew Pak Choi Sos Tiram Salad Salad Tauhu Coleslaw Appetizer Potato Jacket Breaded Fish Keropok Ikan	Menu Utama Nasi Putih Ayam Percik Ikan Siakap Kukus Kambing Masala Udang Goreng Tepung Salad Telur Sayur Campur Salad Salad Sayur Coleslaw Appetizer Canape Assorted Fishball Keropok Sayur	Menu Utama Nasi Putih Ayam Goreng Tepung Kfc Ikan Siakap Kukus Tomyum Daging Merah Siew Pak Choi Sos Tiram Salad Salad Sayur Coleslaw Appetizer Bebola Ayam
MAKAN TENGAH HARI					

	<u>Soup</u> Cream of Mushroom Soup+French Loaf <u>Menu Tambahan</u> Mee Goreng Mamak Roti Canai+Kari+Dhall Ubi Kayu Rebus+Kelapa <u>Dessert</u> Agar-Agar Cream Cake 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Air Buah Kordial <u>Vegetarian Set</u>	<u>Soup</u> Chicken Of Mushroom Soup+French Loaf <u>Menu Tambahan</u> Rojak Pasembur Chapati+Kari+Dhall Jagung Rebus <u>Dessert</u> Agar-Agar Yogurt 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Air Buah Kordial <u>Vegetarian Set</u>	<u>Soup</u> Seafood Chowder+French Loaf <u>Menu Tambahan</u> Macaroni Goreng Tosai+Kari+Dhall Ubi Keledek+Kelapa <u>Dessert</u> Agar-Agar Tart Telur 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Air Buah Kordial <u>Vegetarian Set</u>	<u>Soup</u> Fishball Soup+Kobis Panjang+French Loaf <u>Menu Tambahan</u> Spaghetti Bolognaise Roti Naan+Kari+Dhall Ubi Kayu Rebus+Kelapa <u>Dessert</u> Agar-Agar Cream Puff 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Air Buah Kordial <u>Vegetarian Set</u>	<u>Soup</u> Mixed Vegetable Soup <u>Menu Tambahan</u> Soto Ayam Roti Canai+Kari +Dhall Jagung Rebus <u>Dessert</u> Agar-Agar Tart Buah 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Air Buah Kordial <u>Vegetarian Set</u>
MINUM PETANG	1 Jenis Kuih Melayu (Savori) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Jus Oren/Mangga/Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu (Savori) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Jus Oren/ Mangga/ Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu (Savori) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Jus Oren/ Mangga/ Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu (Savori) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Jus Oren/ Mangga/ Jambu Batu	1 Jenis Kuih Melayu (Savori) 1 Jenis Kek 2 Jenis Buah-Buahan <u>Minuman Panas</u> Teh + Kopi <u>Minuman Sejuk</u> Jus Oren/ Mangga/ Jambu Batu

JADUAL VII	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT
